

**PERUTUSAN Y.A.B. PERDANA MENTERI SEMPENA TAHUN BARU 1995**  
MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM), 31 DISEMBER 1994

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah. Tahun 1994 telah berlalu tanpa apa-apa malapetaka yang besar yang menimpa negara kita, Malaysia. Memang benar rakyat, pada tahun 1994, mula menyedari tentang gejala lepak dan 'bohsia'. Memang masalah dadah masih berada dengan kita. Tetapi umumnya negara Malaysia terus aman dan maju, dengan ekonomi berkembang sebanyak lebih daripada lapan peratus. Kita rakyat Malaysia daripada semua kaum perlu banyak bersyukur atau 'grateful' kerana nasib kita yang baik. Namun masalah yang saya sebutkan tadi tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Kerajaan dan rakyat daripada semua kaum dan lapisan perlu berganding bahu dan berusaha untuk mengatasi masalah-masalah ini. Kita percaya dan yakin bahawa kita boleh mengatasi masalah-masalah ini. Kerajaan boleh merancang dan mengadakan tindakan seperti program 'Rakan Muda' untuk membendung, jika tidak pun menghapus, budaya lepak, 'bohsia' dan penyalahgunaan dadah. Tetapi Kerajaan semata-mata, walau seberapa banyak sekalipun peruntukan disediakan, tidak mungkin berjaya mengatasinya. Ini adalah kerana gejala ini berasaskan kepada bentuk budaya kita dan pembentukan budaya bermula dari rumah dan melibatkan semua anggota masyarakat.

2. Kita bernasib baik kerana institusi kekeluargaan belum luput dalam masyarakat kita seperti yang telah berlaku dalam masyarakat Barat. Tetapi tanda-tanda menunjukkan bahawa peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak sudah agak berkurangan. Mungkin ini disebabkan oleh kedua-dua ibu bapa bekerja. Tetapi belia yang terlibat bukan semuanya mempunyai ibu bapa yang bekerja sepanjang hari. Hakikatnya ialah ramai ibu bapa tidak memberi perhatian serius kepada pendidikan anak-anak mereka. Kawalan terhadap kebebasan anak-anak mereka juga lemah. Ibu bapa harus mengetahui siapa kawan anak-anak mereka dan di mana mereka bersiar-siar dan menghabiskan masa.

3. Sekolah juga memainkan peranan penting dalam membentuk budaya. Justeru itu, latihan dan teladan di sekolah hendaklah ditumpukan kepada pembentukan budaya dan nilai hidup yang mulia. Bagi anak-anak orang Islam, sementara mereka perlu mempelajari tentang ibadat yang diwajibkan, mereka juga perlu diberikan didikan akhlak dan nilai-nilai hidup yang dituntut oleh agama Islam. Kita tidak boleh memejam mata akan hakikat bahawa kebanyakan daripada mereka yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang tidak diingini terdiri daripada belia Islam.

4. Untuk menangani masalah-masalah ini, Kerajaan telah melancarkan program 'Rakan Muda'. Tujuan kita bukanlah untuk menghapuskan keinginan para belia untuk berseronok-seronok tetapi kita ingin menyalurkan minat mereka kepada kegiatan-kegiatan yang lebih sihat dan membina yang juga boleh menghiburkan hati mereka.

5. Sekali lagi untuk menjayakan program 'Rakan Muda' sokongan dan penyertaan seluruh masyarakat terutama para ibu bapa adalah penting. Sementara anak-anak hendaklah digalakkan menyertai kegiatan 'Rakan Muda', tanggungjawab ibu bapa di rumah tidak boleh diabaikan. Kawalan yang berpatutan hendaklah dilakukan. Demikian juga didikan akhlak dan semaian budaya bangsa hendaklah diberi perhatian yang lebih serius.

6. Jika ibu bapa yakin mereka boleh, maka tidaklah sukar untuk meyakinkan anak-anak mereka bahawa mereka juga boleh. Ingatlah bahawa bangsa yang berjaya ialah bangsa yang memiliki dan mengamalkan budaya yang membina. Hanya bangsa yang berjaya sahaja yang akan dihormati dunia. Bangsa yang hanya pandai bercakap tetapi tidak mempunyai apa-apa kejayaan yang jelas akan diketawa dan dihina oleh orang. Bagi yang beragama Islam, penghinaan terhadap mereka samalah dengan penghinaan terhadap Islam. Apabila ini berlaku tidak ada gunanya kita menyalahkan orang lain. Salahkanlah diri sendiri.

7. Dalam bidang ekonomi kita boleh berbangga dengan pertumbuhan yang masih tinggi. Tetapi kita harus ingat bahawa negara yang maju seperti Jepun sekalipun boleh mengalami kemerosotan dengan tiba-tiba. Janganlah fikir bahawa pertumbuhan ekonomi negara boleh kekal dan berlaku secara kebetulan dan dengan sendirinya. Tanpa perancangan dan dasar yang sesuai serta usaha yang gigih ekonomi negara tidak boleh terus sihat.

8. Bahaya yang selalunya mengancam negara yang maju ialah inflasi, yang akan menyebabkan pendapatan yang tinggi hilang nilainya. Ini adalah kerana pendapatan yang tinggi, dalam keadaan inflasi yang meningkat tinggi, akan menyebabkan pendapatan yang telah bertambah tidak berupaya membeli lebih banyak barangan atau khidmat. Apalah gunanya membeli barangan yang sama dengan wang yang lebih banyak hanya kerana kita memiliki wang yang sudah bertambah? Jika pendapatan bertambah, kita sepatutnya boleh membeli lebih banyak barang atau khidmat.

9. Hakikat yang jelas ini nampaknya begitu sukar difahami oleh ramai anggota masyarakat. Kebanyakan berpendapat bahawa memiliki wang yang banyak bermakna kaya dan memiliki wang yang sedikit bermakna miskin. Justeru itu, semua mengejar pendapatan yang bertambah tanpa menghiraukan daya membeli wang

ini. Dengan ini, tuntutan kepada tambahan pendapatan dibuat sepanjang masa tanpa mempedulikan kesan terhadap kos sara hidup yang meningkat iaitu inflasi.

10. Yang malang sekali ialah kos sara hidup yang meningkat merugikan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana lebih daripada yang berpendapatan tinggi. Tanpa memikir akan asas-asas inflasi, mereka ini biasanya mendesak untuk mendapatkan upah dan gaji yang bertambah bagi menampung kemerosotan daya membeli mereka. Hasilnya ialah inflasi bertambah dan daya membeli tidak juga dapat mengejar harga barangan yang terus meningkat. Mereka tidak menjadi lebih kaya, bahkan di sesetengah negara mereka menjadi lebih miskin dan terus menganggur kerana mengejar tambahan pendapatan. Ini adalah kerana negara perdagangan seperti Malaysia tidak akan dapat bersaing di pasaran dunia jika harga barangan keluarannya menjadi tinggi. Semua industri dan perniagaan akan merosot. Pelaburan akan berkurangan. Pekerja akan dibersarakan dan yang menganggur terus menganggur. Inilah yang menyebabkan negara Eropah mempunyai pengangguran sebanyak 10 hingga 20 peratus. Upah mereka terlalu tinggi dan mereka tidak sanggup untuk menurunkan upah.

11. Hari ini di Malaysia ramai eksekutif menuntut gaji yang amat tinggi dan akan berpindah ke syarikat lain jika tidak dilayani. Demikian juga para pekerja menuntut kenaikan gaji dan bayaran bonus tanpa mengambilkira untung rugi perusahaan atau perniagaan mereka. Kenaikan upah tidak menjadi masalah asalkan daya keluaran atau produktiviti meningkat. Tetapi biasanya tuntutan dibuat kerana orang lain mendapat kenaikan upah atau bonus tanpa mengambilkira produktiviti sendiri.

12. Percayalah bahawa kenaikan upah tanpa kenaikan produktiviti akan menyebabkan inflasi meningkat dan akhirnya kehilangan daya saing dan pengangguran. Apabila ekonomi sudah merosot, pemulihan amatlah sukar dibuat. Lihatlah nasib beberapa negara maju.

13. Kerajaan tidak mempunyai sebarang niat buruk apabila ia bertindak untuk mengawal inflasi. Kawalan inflasi tidak boleh dihadkan kepada kawalan harga barangan yang dijual sahaja. Punca kenaikan harga juga mesti dikawal. Dan ini termasuklah kawalan ke atas upah, baik bagi jawatan tinggi atau rendah. Eksekutif yang menuntut gaji puluhan ribu ringgit turut menyumbang kepada inflasi sama seperti pekerja yang menuntut upah dinaikkan tanpa sumbangan kepada kenaikan produktiviti. Upah patut dinaikkan bersama dengan pertumbuhan ekonomi tetapi tidaklah ke paras yang sama jika kita ingin mengelak inflasi. Kenaikan sehingga 20 peratus yang diberikan baru-baru ini kepada satu kumpulan pekerja iaitu jauh lebih tinggi daripada pertumbuhan ekonomi yang hanya lapan peratus tetap akan

memburukkan ekonomi. Mungkin perusahaan berkenaan mampu tetapi ini akan menyebabkan yang tidak mampu juga didesak supaya memberi kenaikan yang sama. Dan untuk melayan tuntutan, harga jualan khidmat atau barangan terpaksa dinaikkan dan kesannya ialah inflasi.

14. Justeru itu, saya ingin merayu kepada pegawai-pegawai eksekutif, kesatuan sekerja dan pekerja-pekerja supaya tidak memikirkan tentang hari ini sahaja. Ingatlah, bahawa sedikit sebanyak kemakmuran dan harga barangan yang rendah sekarang adalah hasil daripada pelbagai dasar dan pendekatan yang diambil oleh Kerajaan. Kerajaan telah mengurangkan cukai dan membentuk berbagai-bagai pendekatan untuk mengawal inflasi dan membangunkan negara. Tujuan Kerajaan ialah supaya sara hidup kita tidak meningkat. Tetapi janganlah balasan kita ialah menuntut tambahan upah yang boleh menjejaskan usaha Kerajaan mengawal inflasi.

15. Marilah kita memulakan hari pertama tahun 1995 dengan beringat bahawa keamanan dan kemakmuran bukan kekal dengan sendirinya. Kemakmuran dan kebahagiaan hidup bergantung kepada pegangan kepada nilai-nilai yang mulia, kepada budaya yang sesuai dan tindakan yang waras yang boleh memelihara kebahagiaan dan kemakmuran secara yang lebih kekal.

16. Pada hari yang bahagia ini marilah kita bersama-sama insaf dan bersyukur, dan dengan itu sanggup membendung nafsu untuk kebahagiaan yang lebih kekal.

17. Selamat menyambut Tahun Baru 1995. Moga-moga negara kita akan terus maju dan berjaya dan kita akan hidup aman damai, makmur dan bahagia.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.